



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 71/10/18**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG JURUAUDIT TINGKAT III TERLATIH / PENOLONG JURUAUDIT
TINGKAT III (D.1-2 EB.3-4-5)
JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian IV

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf




SIJIL-SIJIL (sepertimana kehendak skim) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	BGCE O LEVEL.pdf
	2016	2016	25/8/2016	NTC2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 3.pdf



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “*Current Government Employee*”/”Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office

Current Appointment

Starting Date: 01/02/2012

Ministry: Prime Minister's Office

Department: PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Job Title: KERANI



- PENOLONG JURUAUDIT TINGKAT III TERLATIH / PENOLONG JURUAUDIT TINGKAT III
JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI
D.1-2 EB.3-4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Matematik / Simpan Kira / Ekonomi / Perdagangan (*Commerce*) / *Principle of Accounts*.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam kerja-kerja pengauditan dan / atau kewangan dan / atau perakaunan dan / atau pernah mengikuti kursus simpan kira adalah merupakan kelebihan.

TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN:

- Penolong Juruaudit Tingkat III Terlatih (*Trained Assistant Auditor Grade III*) / Penolong Juruaudit Tingkat III (*Assistant Auditor Grade III*) yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
- Penolong Juruaudit Tingkat III Terlatih (*Trained Assistant Auditor Grade III*) / Penolong Juruaudit Tingkat III (*Assistant Auditor Grade III*) yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.
- Penolong Juruaudit Tingkat III (*Assistant Auditor Grade III*) dikehendaki menduduki dan lulus peperiksaan yang dikendalikan oleh Jabatan Audit yang mengandungi subjek-subjek berikut:
 - Matematik
 - Ilmu Jurukira
 - Pengauditan
 - Pentadbiran Kewangan
 - Pengetahuan Am

Penolong Juruaudit Tingkat III (*Assistant Auditor Grade III*) yang dilantik dengan menerima gaji melebihi daripada gaji minimum pada tanggagaji D.3 adalah dikecualikan daripada peperiksaan tersebut.



4. Penolong Juruaudit Tingkat III (*Assistant Auditor Grade III*) yang lulus peperiksaan tersebut akan ditetapkan / dinaikkan sebagai Penolong Juruaudit Tingkat III Terlatih (*Trained Assistant Auditor Grade III*) setelah berkhidmat selama 3 tahun dan akan diberikan kenaikan gaji setimpal dengan gaji minimum pada tanggagaji D.3 tanpa mengubah tanggagaji asal. Penolong Juruaudit Tingkat III (*Assistant Auditor Grade III*) yang belum lulus peperiksaan tersebut dan telah mencapai gaji maksimum dalam tanggagaji D.2 tidak akan diberikan kenaikan gaji sehingga mereka lulus peperiksaan berkenaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memperolehi dan menyediakan dokumentasi untuk pengauditan.
2. Menjalankan pengauditan ke atas pelbagai kira-kira Kerajaan.
3. Menggumpulkan pemerhatian-pemerhatian audit / kesimpulan-kesimpulan.
4. Membantu di dalam mengesahkan dan menyusul semula laporan-laporan / pertanyaan-pertanyaan.
5. Menjalankan tugas-tugas yang lain yang diberikan oleh pegawai atasan.